

Headline	TH, pelatih JMTI bersih tanah perkuburan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	24	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	460 cm ²
Journalist	Anis Nabilla Md Wazilah	AdValue	RM 15,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,721



TH, pelatih JMTI bersih tanah perkuburan

» Program Khidmat Masyarakat turut melawat 10 rumah warga tua

Oleh Anis Nabilla Md Wazilah
✦ Balik Pulau

Kira-kira 300 penduduk Sungai Rusa di sini, bersama kakitangan Lembaga Tabung Haji (TH) dan pelatih Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) menyertai Program Khidmat Masyarakat Taha @ U di kampung itu, semalam.

Program sehari anjuran TH itu dimulakan dengan gotong-royong membersihkan tanah perkuburan Islam dan Masjid Jamek Sungai Rusa kira-kira jam 8.30 pagi.

Turut diadakan program singgah dan lawat ke 10 rumah warga tua sambil menyerahkan sumbangan hamper serta beramah mesra dengan masyarakat setempat.

Penduduk juga berpeluang melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma serta membuka akaun TH di kaunter yang disediakan sempena program itu.

Pelatih JMTI juga dibawa melawat kilang Mohamad Saleh Sdn Bhd yang menghasilkan produk industri kecil dan sederhana (IKS) sebelum diakhiri solat Zuhur dan tazkirah.

Program itu yang dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayob Hussain Shah, dihadiri Timbalan Pengarah TH Pulau Pinang, Amat Kassim Pait

dan Pengerusi Kariah Masjid Jamek Sungai Rusa, Ahmad Ramli.

Program khidmat sosial

Sementara itu, Amat Kassim berkata, program berkenaan adalah sebahagian daripada program khidmat sosial korporat TH kepada masyarakat, di samping memberi peluang kepada pelatih JMTI mendekati diri dengan masyarakat.

Katanya, TH beruntung kerana dapat bekerjasama dengan penduduk melaksanakan program berkenaan, di samping memberi peluang kepada mereka mengenali organisasi itu dengan lebih rapat.

"Kita berharap program seumpama ini dapat diperbanyakkan dan silaturahim yang terjalin dapat dikekalkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Projek Program Khidmat Masyarakat JMTI, Ahmad Iqrah Akmal, berkata program berkenaan membuka ruang kepada pelatih menyumbang tenaga kepada masyarakat.

"Peluang ini kami gunakan sebaik mungkin untuk bercampur dengan masyarakat, di samping melakukan khidmat sosial kepada penduduk setempat.

"Aktiviti ini juga dapat memupuk semangat tolong-menolong dan memberi impak positif kepada generasi muda seperti kami," katanya.

Headline	TH, pelatih JMTI bersih tanah perkuburan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	24	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	460 cm ²
Journalist	Anis Nabilla Md Wazilah	AdValue	RM 15,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,721



Amat Kassim (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Shah Headan selepas merasmikan Program Khidmat Masyarakat di Sungai Rusa, Balik Pulau.



Amat Kassim (dua dari kiri) bersama kakitangan TH dan pelajar JMTI membersihkan tanah perkuburan Islam Sungai Rusa, Balik Pulau.
FOTO ANIS NABILLA MD WAZILAH/BH.